

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SIM TONG HIM  
[ KOTA MELAKA ]**

**TARIKH : 10 NOVEMBER 2016 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**YB Tuan Sim Tong Him [ Kota Melaka ] minta PERDANA MENTERI menyatakan tentang kedudukan projek perumahan PR1MA di negeri Melaka :-**

- (a) setakat ini berapa buah projek PR1MA di negeri Melaka yang telah diluluskan oleh Kerajaan dan bilangan unit rumah mengikut kategorinya; dan
- (b) berapa buah projek telah mula pembinaan dan masa jangka siap projek ini dan jumlah permohonan dari negeri Melaka dan bilangan pemohon yang berjaya ditawarkan.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI SHAHIDAN BIN KASSIM,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini, Anggota Perbadanan PR1MA (Lembaga Pengarah) telah meluluskan sebanyak 23,114 unit kediaman yang terdiri daripada 21 buah projek di negeri Melaka. Pembangunan ini terdiri daripada kediaman jenis teres dan strata mengikut kesesuaian projek.

Lokasi pembangunan PR1MA di Negeri Melaka adalah di kawasan Alor Gajah, Tangga Batu, Kota Melaka, Jasin dan Bukit Katil. Pada masa ini sebanyak 16,860 unit sedang berada dalam fasa pembinaan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 424 unit kediaman PR1MA disasarkan siap pada penghujung tahun 2016. Manakala projek-projek selebihnya berada dalam pelbagai fasa perancangan.

Berkenaan pemohon kediaman pula, sehingga hari ini, Sistem Pendaftaran Nasional PR1MA telah menerima sebanyak 103,146 permohonan dari Negeri Melaka. PR1MA telah melaksanakan proses undian terbuka bagi 2 buah projek di Negeri Melaka iaitu di Melaka Tengah 1 dan Melaka Tengah 2. Seramai 1,580 pemohon telah berjaya semasa

proses undian tersebut. Bilangan ini dijangka akan meningkat dari semasa ke semasa apabila lebih banyak projek pembangunan PR1MA dilancarkan kelak.

Sekian. Terima kasih.